

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI ABDUL (SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini sudah adakah usaha-usaha untuk mendaftar setiap orang yang bergerak di bumi Malaysia selain dari warganegara, penduduk tetap, pekerja asing berdokumen, pelancong dan pelajar. Jika ada, berapa jumlah mereka. Jika belum, apa masalahnya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha untuk mendaftar semua warganegara asing di Malaysia dilakukan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui kawalan pengeluaran pas imigresen tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Selain itu, tindakan penguatkuasaan oleh JIM secara berterusan di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan pendatang asing tanpa izin (PATI) turut dilaksanakan sebagai langkah bagi memantau keberadaan PATI dan secara langsung memastikan golongan warganegara asing sentiasa mematuhi peruntukan Akta Imigresen 1959/63 yang berkuat kuasa.

Pada ketika ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JIM sedang membangunkan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (*National Immigration Integrated System - NIISe*) bagi menggantikan sistem Imigresen

## SOALAN NO : 39

sedia ada. NIISe dilihat sebagai satu sistem menyeluruh dan bersepadu melibatkan semua aplikasi teras keimigresenan dan aplikasi sokongan untuk kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warganegara asing di Malaysia. Pembangunan sistem ini dijangka akan mampu merekod dan mengawal keberadaan warganegara asing di dalam negara dengan lebih menyeluruh.

Sehingga 31 Oktober 2020, JIM merekodkan seramai 2,363,169 orang pemegang pas imigresen aktif di Malaysia. Antara kategori pas Imigresen adalah seperti berikut:

- (i) Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang;
- (ii) Pas Lawatan Sosial Pasangan Kepada Warganegara;
- (iii) Pas Lawatan Sosial di bawah Program *Malaysia My Second Home* (MM2H);
- (iv) Pas Pelajar;
- (v) Pas Pegawai Dagang/Ekspatriat;
- (vi) Pas Lawatan Kerja Sementara;
- (vii) Pas Residen;
- (viii) Pas Lawatan Ikhtisas; dan
- (ix) Pas Pengecualian (Diplomat/Duta).